


WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan
Keluaran 7 1982 / 1983*

WARISAN
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

SIDANG PENGARANG WARISAN

PENGARANG KEHORMAT

Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.

PENOLONG PENGARANG

*Encik Ahmad Kamal bin Marzuki
Encik Ibrahim bin Mustafa
Encik Mohd. Isa bin Mohd. Jadi*

REKABENTUK

*Encik Ibrahim bin Jaafar
Encik Sharif bin Abdullah*

KEWANGAN & PEMASARAN

Encik Tan Ghee Peng, AMN.

Warisan adalah Jurnal tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Tujuan penerbitan Jurnal ini ialah untuk memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya.

Segala sumbangan artikel adalah sangat dihargai dan hendaklah dihantar kepada:

*Pengarang Kehormat,
Jurnal Warisan,
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan,
d/a, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan,
Seremban,
(Telefon: 73481-73485)*

Pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam artikel-artikel di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

WARISAN
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
Keluaran 7 1982/1983

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata-Kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.	2
Rencana Pengarang	3
Senarai Nama AJK Persatuan Sejarah Malaysia CNS, 1982 – 1983	4
Senarai Nama AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Senarai Nama AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Kampung Linggi: Beberapa Aspek Mengenai Sistem Perhambanya Dalam Abad Ke 18 dan 19 Johari bin Talib.	6
Dikir Rebana di Rembau Yaakub bin Idrus.	16
Pembentukan Pentadbiran Jelebu – Akhir Abad ke 19 Othman bin Hj. Abu Bakar.	24
Adat Minangkabau Sebelum Zaman Parapatieh: Suatu pengenalan Ringkas Norhalim bin Hj. Ibrahim.	31
Permainan Dam Melayu Ismail bin Abd. Hadi.	43
Jelebu Dalam Sejarah Ibrahim bin Mustafa.	52
Keahlian Tukang-Tukang Melayu Dalam Bidang Seni Bina. Yaakub bin Idrus.	60
Nama Baru Jalan-jalan Bandar Seremban	70
Laporan Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1982–1983.	73



KATA-KATA ALUAN
MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan kerana berjaya menerbitkan majallahnya bagi kali yang ke tujuh.

Saya menaruh harapan semoga usaha murni ini akan berterusan pada setiap tahun dalam usaha memaparkan segala bahan yang berkaitan dengan sejarah negeri ini bagi tatapan rakyat keseluruhannya.

Rencana-rencana serta tulisan-tulisan yang berunsur sejarah ini sudah barang tentu akan memberi menafaat kepada setiap pemilik majallah ini kerana ia akan dapat memberikan gambaran yang secukupnya mengenai peristiwa dan catatan zaman lampau.

Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama bagi generasi muda dalam usaha menghayati segala catatan-catatan sejarah zaman silam negeri ini.

Selaku Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa para cendekiawan supaya tampil ke hadapan bagi merakamkan segala bahan-bahan sejarah samada dalam rupa bentuk pengalaman, catitan serta memoir untuk terus dihayati oleh golongan muda negeri ini.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh golongan ini, tidak syak lagi ia sedikit sebanyak akan membantu Persatuan ini untuk mengumpul sebanyak bahan yang mungkin bagi dimuatkan di dalam majallah seumpama ini bagi penerbitan seterusnya.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada persatuan ini di atas daya usaha yang telah diambil untuk mengendalikan penerbitan majallah ini.

Salam takzim.

(DATO' MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

*Menteri Besar
Negeri Sembilan.*

SEREMBAN
15hb. Ogos, 1983.

RENCANA PENGARANG.

Jurnal WARISAN kali ini terbit lewat sedikit dari jadualnya kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Sesungguhnya untuk menerbitkan sebuah jurnal yang berunsur sejarah seperti ini terpaksa menghadapi banyak halangan. Tidak ramai golongan cendekiawan dan tokoh sejarah yang mempunyai minat yang mendalam untuk menghasilkan karya sejarah bagi tatapan umum. Bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya masih banyak yang belum dikaji, diusahakan serta dipaparkan kepada masyarakat. Adalah menjadi harapan dan keazaman Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan untuk mengabadikan bahan-bahan sejarah yang banyak terdapat berselerak di seluruh Negeri Sembilan dalam jurnal ini.

Usaha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan sejarah bukan sahaja menjadi tugas tokoh-tokoh sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga patut dipupuk dan diperkembangkan bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap sejarah boleh memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah sejarah tersebut, khususnya sejarah lisan, akan luput dan hilang ditelan zaman yang berkembang pesat, khasnya di zaman sains dan teknologi ini.

Peranan sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. Dalam keghairahan kita mengejar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat terhadap sejarah semakin berkurangan. Menyedari kelemahan ini, Kerajaan Malaysia amnya dan Kerajaan Negeri Sembilan khasnya sedang mengambil langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan sejarah pada perspektif yang betul. Sesuatu bangsa yang lemah ialah bangsa yang tidak mempunyai sejarahnya sendiri yang dapat dibanggakan!. Sikap sensitif terhadap sejarah patut ada pada setiap rakyat negeri ini.

Jurnal Warisan keluaran 7 memuatkan artikel-artikel yang berunsur politik/pentadbiran dan juga kebudayaan/kesenian/sosial. Kepada para penyumbang artikel, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih. Sumbangan mereka adalah amat dihargai dan disanjung tinggi. Untuk membolehkan jurnal ini diterbitkan pada setiap tahun, kami memerlukan sumbangan artikel dari para pembaca, peminat sejarah dan tokoh-tokoh sejarah tempatan dan tanah air.

**Pengarang Kehormat,
Jurnal WARISAN Keluaran 7 1982/1983.**

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Yang Di Pertua** : *Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC., Menteri Besar Negeri Sembilan.*
- Naib Yang Di Pertua** : *Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan. (Dr. Wan Mohd. Zabid bin Mohd. Noordin, KMN, PPT) sehingga 31.12.1982. (Encik Khalid bin Mohd. Jamin, KMN, BSI, PIS, PJK) mulai dari 1.1.1983.*
- Setiausaha Kehormat** : *Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.*
- Penolong Setiausaha** : *Encik Abdul Aziz bin Salleh.*
- Bendahari** : *Encik Tan Ghee Peng, AMN.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Encik Nordin bin Bakeri.
Encik Hasbim bin Jasa, AMN.
Tuan Syed Jaafar bin Syed Abd. Rahman, PJK.
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.
Puan Kamariah bte Hj. Sabeh.*
- Pengerusi Daerah** : *Tuan Hj. Hisham bin Hj. Omar (Tampin).
Encik Mohd. Zabidin bin Sidek (Kuala Pilah).
Encik Abdullah bin Salleh (Rembau).
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor, PJK (Seremban).
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK (Jejebu) sehingga 31.8.82.
YB. Encik Abd. Kadir bin Kassim, AMN, PMC, PJK (Jejebu).
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson).
Encik Idris bin Hussein (Jempol).*
- Pemeriksa Kira-Kira** : *Encik Abu Bakar bin Yabya, AMN, PPN, PMC, PJK.
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais, PJK.*

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.
Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.
Encik Nordin bin Bakari.
Encik Abdul Aziz bin Salleh.
Encik Ibrahim bin Mustafa.
Puan Kamariah bte. Hj. Sabeah.
Puan Noraini bte. Ali, PJK.
Puan Ecbam bte. Hj. Hassan.*

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Encik Hashim bin Jasa, AMN.*
- Setiausaha** : *Encik Ramthan bin Hj. Maarof, PJK.*
- Pen. Setiausaha** : *Encik Mohd. Misan bin Mastor.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.
Encik Abd. Hamid bin Idris.
Encik Mustafa bin Hj. Sharif.
Encik Mohd. Hisa bin Tabat.
Encik Tan Gbee Peng, AMN.
Encik Ahmad bin Sibat.
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.
Encik Ibrahim bin Mustafa.
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.
Puan Hj. Aishah bte. Md. Sharif.
Puan Sbarifab Kintan bte. Syed Ali.*

JELEBU DALAM SEJARAH

Oleh

Ibrahim bin Mustafa

Sek. Men. Undang Jelebu, Kuala Klawang.

Pengkajian sejarah Jelebu, sebagaimana juga pengkajian terhadap sejarah tradisional Malaysia menghadapi banyak masalah, terutama tentang penyumberan. Sumber-sumber yang ada, adalah rumit untuk dianalisa. Ini adalah disebabkan kebanyakannya berupa methos. Adat Perpatih yang dianuti tersangat rapat hubungannya dengan sejarah Jelebu. Undang-undang Adat Perpatih sebagaimana yang kita maklum ialah Undang-undang yang tidak bertulis yang diturunkan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi yang kemudiannya. Maka dalam proses penurunan ini besar kemungkinan ia telah ditokok tambah sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja bagi kepentingan satu-satu golongan.

Sumber-sumber dari Barat yang kebanyakannya ditulis oleh pegawai-pegawai kolonial pada masa itu adalah terhad dan kebanyakannya bergantung kepada tradisi lisan. Antaranya ialah Caldecott yang telah dapat mengumpul fakta-fakta dalam hal-hal adat dan juga peristiwa-peristiwa yang dianggap bersejarah. Hasil-hasil penulisan pegawai-pegawai kononial ini amat bernilai bagi kajian sejarah Jelebu selanjutnya. Disebabkan sumber-sumber bertulis yang ada amat terbatas, maka artifek-artifek dan tradisi lisan yang terdapat di daerah ini adalah sumber-sumber yang sangat bernilai. Selain dari itu, sumber-sumber ini boleh diperbandingkan dengan kejadian semasa yang berlaku di Semenanjung dan juga di seluruh Kepulauan Melayu.

Satu perkara yang amat menarik dalam pengkajian sejarah Jelebu ialah kejayaan daerah ini keluar dari cengkaman Johor dan penghulunya Dato' Moyang Saleh telah diiktiraf oleh Sultan Johor sebagai 'Sultan Jelebu' dalam tahun 1757. Tetapi agak menghairankan juga gelaran 'Sultan' itu tidak pernah digunakan secara rasmi.

Sejarah pembukaan Jelebu adalah berkait rapat dengan sejarah Minangkabau. Adalah diperjunjung duli, antara lain sembahnya....."adalah patik, Hamba Tua ini datang dari Sungai Lumut, saja tertubuhnya Kesultanan Melaka pada tahun 1402/3. Perlu diingat bahawa Parameswara adalah berasal dari Dinasti Sailendra di Palembang yang pernah memerintah sebahagian besar Alam Melayu, termasuk juga Minangkabau dalam masa Kerajaan Srivijaya. Kekalahan Srivijaya kepada Majapahit dan kelemahan Kerajaan Majapahit pada akhir abad ke 14 menyebabkan pemberontakan berlaku di Palembang. Salah seorang pemberontak itu ialah Parameswara yang telah lagi ke Semenanjung yang kemudiannya berjaya menubuhkan Kerajaan Melayu Melaka. Penghijrahan ini diikuti juga oleh pembesar-pembesar Minangkabau yang sebelum ini bertuankan Dinasti Sailendra. Penemuan bijih timah di pendalaman Melaka telah menarik sebahagian besar orang-orang Minangkabau ke kawasan itu.

Berpandukan tradisi-tradisi lisan tempatan dan Teromba Lama seperti mana yang telah digambarkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1964, Jelebu telah dibuka oleh keturunan Maharaja Alif yang telah menegakkan Kerajaan Pagar Ruyung Minangkabau. Beliau yang kemudiannya menggunakan nama Batin Terjali dan telah berkahwin dengan Puteri Embong Seri Alam, membuka beberapa tempat di Semenanjung setelah meninggalkan Tanah Minangkabau. Batin Terjali meninggalkan anak-anaknya menjadi penghulu di setiap tempat yang dibuka seperti Johor, Kelang dan Luak Yang Empat di Negeri Sembilan.

Di dalam pengembaraan Batin Terjali ini di Tanah Besar Semenanjung, beliau telah sampai ke Bukit Batu Bulan melalui Bukit Batu Hitam, di mana sungainya mengalir ke Pahang dan Jelebu. Kemudiannya Batin Terjali naik ke Bukit Kundang Kundik. Di sini isterinya Puteri Embong Seri Alam melahirkan seorang putera lelaki yang dinamakan Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari. Ketika itu daerah Jelebu didiami oleh suku asli terutamanya puak Jakun. Disebabkan Batin Terjali dalam pengembaraan untuk meluaskan pemerintahan keturunannya, putera itu ditinggalkan kepada ketua suku Jakun di situ yang bernama Batin Lambung Setia dan Jenang Singa Raja.

Begitulah keadaannya Batin Terjali, bila isterinya melahirkan anak, anak itu ditinggalkan pada penduduk asli di situ dengan pesanan anak itu dijadikan penghulu kemudian kelak. Penduduk asli ini benar-benar patuh di atas kehendak Batin Terjali. Ini mungkin disebabkan penghormatan penduduk asli tersebut terhadap keturunan Batin Terjali yang diriwayatkan sebagai 'turun dari langit'. Dengan itu wujudlah pemerintahan Kelana Putera di Sungai Ujung, Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan di Johor dan Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari di Jelebu, di samping pemerintahan kaum keluarganya di Kelang dan Johor.

Sebelum Batin Terjali dan isterinya Embong Seri Alam ghaib, mereka telah memanggil kesemua anak-anak dan kaum keluarganya yang memerintah di Tanah Besar ini berhimpun di suatu tempat yang dinamakan Bukit Pertemuan Raja-Raja sambil menetapkan adat dan peraturan pemerintahan dengan tekanan kepada Adat Perpatih supaya kekal turun temurun. Batin Terjali telah berwasiat kepada Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari bersama Lambung Setia dan Tok Jenang Singa Raja supaya membuka negeri di tempat yang terdapat sebatang tongkat dan sedulang nasi. Setelah Batin Terjali ghaib, semua anak-anaknya dan kaum keluarganya balik ke tempat masing-masing. Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari bersama Batin Lambung Setia dan Tok Jenang Singa Raja pun berjalan pulang. Sambil melepaskan penat mereka bertiga telah berbuai-buai di suatu tempat dan tempat itu kekal dengan nama Bukit Buai hingga ke hari ini. Apabila sampai di Bukit Peninjau ketiga mereka telah berjumpa seorang tua yang menyuruh mereka bertiga turun dari bukit itu mengikut jejaknya. Terbukti pada pagi esoknya bahawa jejak yang dikatakan itu ada dan mereka bertiga mengikutinya. Kemudian mereka bertemu dengan sebatang tongkat dan sedulang nasi dan tempat itu kekal ke hari ini dengan nama Kuala Dulang. Di sini terdiri sebuah masjid lama Kuala Dulang yang dianggap keramat oleh penduduk-penduduk daerah Jelebu. Di sinilah bermulanya penerokaan daerah Jelebu oleh Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari bersama Lambung Setia dan Tok Jenang Singa Raja.

Lambung Setia kemudian menukarkan namanya kepada Batin Mahagalang-galang dan memerintahkan ditentukan sempadan daerah-daerah pemerintahan keturunan Batin Terjali di Tanah Besar ini. Batin Mahagalang-galang telah memahat batu bagi tujuan itu di sebelah Muar dan tempat itu dikenali sebagai Batu Pahat pada hari ini. Sempadan-sempadan yang dikatakan sebagai sempadan Jelebu dengan Johor ialah Leban Besi batu berinding dan lantak temiang tumpat. Jelebu dengan Sungai Ujung ialah serumpun nibung tengah air di Bukit Tangga. Pahang dengan Jelebu ialah meranti sembilan mereban seratus. Antara Jelebu dengan Kelang ialah lebak bergoyang dan pulau bersela serta Genting Peres. Sebagaimana yang dikehendaki Jelebu adalah berajakan ke Johor. Pemerintah Johor adalah keluarga kepada Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari iaitu keturunan Batin Terjali sebagaimana yang telah diriwayatkan. Selepas selesai menentukan sempadan itu, Batin Mahagalang-galang telah menyerahkan kedudukannya kepada Tok Jenang Singa Raja dan kemudiannya Batin Mahagalang-galang ini telah 'ghaib'. Maka pemerintahan terserahlah kepada Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari dan Jenang Singa Raja.

Perkembangan seterusnya sejarah Jelebu boleh kita ikuti daripada Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Othman bin Baginda, Dato. Menteri sekarang, yang telah mendapat cetera dari moyangnya, Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Haji Salleh bin Bernas yang telah meninggal pada tahun 1939 sewaktu berumur 150 tahun.

Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari telah berkahwin dengan Puteri Jenang Singa Raja yang bernama Obon dan telah mendapat tiga orang anak, dua darinya perempuan, yang tua bernama Gempong dan seorang lagi Gelendong. Yang kecil lelaki dinamakan Gempal (Kempai).

Apabila Dato' Niko Mangku Alam Raja Sari meninggal, anaknya Kempai mengambil alih kekuasaan untuk memerintah dengan dibantu oleh datuknya sebelah ibu Jenang Singa Raja. Gelaran Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari terus dipakainya sebagai pesaka. Dari sejak itu, gelaran Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari terus dipakai sebagai gelaran terhadap jawatan yang disandang.

Dalam masa pemerintahan Dato' Menteri Sah Mangku Alam Kempai inilah ramai orang-orang Minangkabau datang ke Jelebu. Antara yang pertama datang ialah dua orang ulamak Islam yang bertanggungjawab mengislamkan penduduk daerah ini. Kedua-dua ulamak itu dikenali sebagai Tok Kadi Padang Genting dan Khatib Meraja Mudim Sunat. Dikatakan, pada zaman inilah pembelajaran agama Islam mendapat tempat dalam masyarakat dan seterusnya perkembangan adat istiadat berlaku. Agama Islam dan Adat Perpatih tadi diselaraskan sebagaimana kata perbilangan Adat bersendi Hukum, Hukum bersendi Kitab.....

Selain dari kedatangan orang-orang Minangkabau Pagar Ruyung disebutkan juga kedatangan orang-orang Pasai dan lain-lain bahagian Sumatra. Kedatangan orang-orang ini telah memajukan daerah ini. Keadaan ini membuatkan perkembangan dari segi pemakaian Adat Perpatih sebagai teras hukum dalam pemerintahan.

Bagi merapatkan hubungan dan menguatkan kedudukan agama dan adat, Tok Kadi di Padang Genting telah bersemenda kepada anak perempuan Dato' Niko Menteri Sah Alam Kempai yang bernama Gempong. Mereka mendapat dua orang anak perempuan bernama Mayang' Amgot dan Mayang Angsa dan seorang anak lelaki bernama Langsa. Manakala Khatib Meraja Mudim Sunat pula berkahwin dengan anak Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Kempai yang bernama Gelendong (Jelendong). Mayang Angot kemudiannya berkahwin dengan pendatang dari Pasai bernama Lebai Samad. Manakala Mayang Angsa berkahwin dengan puak yang sama bernama Tok Gombak, seorang pendekar gagah. Kedua-dua menantu Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Kempai ini adalah orang Pasai yang datang ke Jelebu di bawah ketuanya Neko Ujang yang telah membuka penempatan di Pertang.

Pada masa ini Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Kempai telah terlalu tua dan menghadapi masalah dalam menguruskan pemerintahan. Oleh itu satu-satunya menantunya yang boleh diharapkan menolungnya dalam mentadbirkan daerah ini ialah Tok Gombak, sebagaimana kata perbilangan adat.....orang Semenda itu disuruh pergi dipanggil datang, kalau cerdik hendakkan rundingnya, kalau alim hendakkan ilmunya.....Bagi Tok Gombak kesemua ini ada padanya.

Dato' Moyang Saleh:

Hasil perkahwinan Mayang Angsa dengan Tok Gombak ialah seorang anak perempuan yang diberi nama Acheh, kerana mengambil sempena nama Negeri Acheh yang waktu itu terkenal sebagai pusat Agama Islam Nusantara. Manakala Mayang Angot yang berkahwin dengan Lebai Samad mendapat dua orang anak lelaki bernama Genta dan Bata dan seorang perempuan bernama Gedang. Mayang Acheh telah berkahwin dengan Dato' Mentunggang yang juga satu puak dengan Tok Gombak. Perkahwinan Acheh dengan Dato' Mentunggang ini telah melahirkan seorang putera yang bernama Moyang Saleh yang terkenal dengan peristiwa "memutus tali ke Johor", dan mendapat gelaran 'Sultan Jelebu Bergajah Tunggal'. Pada waktu itu Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Kempai telah terlalu tua, begitu juga dengan Tok Gombak yang telah tidak berupaya lagi bekerja keras dalam menjalankan pemerintahan. Oleh itu pemerintahan Daerah telah diserahkan kepada Dato' Mentunggang memerintah bagi pihak Dato' Menteri Sah Mangku Alam Kempai yang bertepatan dengan perbilangan adat.....tiap-tiap orang semenda itu bertanggungjawab membela pesaka adat di semendanya atau disebut disuruh pergi, dipanggil datang menurut perintah tempat semendanya,.....masuk kandang kerbau menguak, masuk kandang kambing mengembik, air dah disuak, ranting dah dipatah, apa-apa adat atau perintah semenda yang di dalam adat dan aturan hendaklah dipakai dan ditaati serta dipatuhi. Oleh itu adalah tidak benar bagi setengah-setengah pendapat mengatakan Tok Gombak dan Dato' Mentunggang menyandang pesaka Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari sebagai Penghulu Jelebu.

Apabila Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Kempai meninggal dunia, jawatan Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari itu dijunjungkan kepada Dato' Moyang Saleh, dengan pimpinan bapa saudaranya Genta. Sepatutnya Gentalah yang menyandang pesaka itu, tetapi di sebabkan terlalu kasih dan sayang akan anak saudaranya, pesaka itu dijunjungkan kepada Dato' Moyang Saleh. Pada masa pemerintahan Moyang Saleh inilah dikatakan Niko Aji iaitu ketua orang Pasai yang duduk di Pertang mengadap dan meminta tempat mencari bijih. Permohonan ini telah diluluskan oleh Dato' Moyang Saleh dan diberikan kawasan Kemin dengan sempadannya sekali, iaitu hulunya singkat betung dan hilirnya singkat Bukit Segumpal dan semudik Batang Kelawang singkat anak air melintang bersempadan dengan Tok Mengkasar, ketua puak suku Tiga Batu. Seorang puak Pasai lagi bernama Khatib Rambon memohon pinjam orang Dato' Moyang Saleh bagi kegunaan menebang-nebas hutan tetapi malangnya kedua-dua orang yang dipinjamkan itu hilang. Pihak waris meminta adat dan kedua-dua orang yang hilang itu digantikan oleh Niko Aji dengan Moyang Siraj suami isteri sebagai ganti adat. Mereka ini dijadikan orang yang memelihara Pesaka Waris Menteri Sah Alam Raja Sari dan ditempatkan di Bakong dan diberi pesaka Bilal Masjid Kuala Dulang. Kemudian diberikan lagi pesaka Panglima Garang dan memperolehi hasil tanah dari waris Menteri Ara menurut adat.....Hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.....Selain dari itu, dalam adat istiadat memakan Dato' Penghulu (Undang), salah seorang dari puak ini akan ditunjuk oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari untuk naik ke atas usungan dan menabur emas dengan gelaran Perdana Menteri pada hari itu.

Pada masa pemerintahan Dato' Moyang Saleh ini telah berlaku beberapa perubahan dan pembahagian dari segi adat dan pesaka. Salah satu daripada perubahan itu ialah gelaran pesaka Tok Jenang Singa Raja kepada Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela. Pada waktu ini Jelebu masih lagi beraja ke Johor. Pada waktu ini jugalah berlaku peristiwa Sultan Johor ingin memperisterikan puteri kepada Penghulu Rembau iaitu Orang Kaya Kecil yang bernama Seri Banun. Kehendak Sultan Johor ini tidak dapat dipenuhi dan Seri Banun telah dinikahkan dengan orang lain. Antara sebab yang diberikan ialah Seri Banun telah terlebih dahulu ditunangkan. Sebagai Orang Besar, janji mesti ditepati dan kata mesti dikotakan, jika tidak, rakyat tidak akan mempercayai pemimpinnya. Sebab yang lain ialah, dikatakan Sultan Johor ini bini-binian dan tidak ada yang kekal.

Apabila Sultan Johor mendapat tahu hal ini, diperintahnya Orang Kaya Kecil Rembau datang mengadap ke Istana Johor. Orang Kaya Kecil Rembau enggan pergi dan diperintahkan Si Amat, anaknya pergi ke Istana Johor sebagai mewakilinya. Di Istana Johor, sultan telah bertanya kepada Si Amat tentang penolakan pinangannya terhadap Seri Banun. Antara jawapan Si Amat ialah.....Terdahulu nikah kemudian titah.....sebagai Orang Besar, janji mesti ditepati, dan kata mesti dikotakan..... Kesalahfahaman antara Sultan dan Si Amat, telah menyebabkan Si Amat dihukum bunuh kerana dikatakan menderhaka terhadap Sultan. Peristiwa ini benar-benar menyedihkan dan tidak patut berlaku. Orang Kaya Kecil Rembau telah melaporkan tragedi ini kepada Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan di Johor dan kemudiannya kepada Klana Putra di Sungai Ujung. Tetapi mereka ini tidak berani pergi ke Johor bagi menyelesaikan perkara pembunuhan Si Amat itu. Orang Kaya Kecil Rembau kemudiannya telah naik ke Jelebu dan bertemu dengan Dato' Niko Sah Mangku Alam Raja Sari Dato' Moyang Saleh. Dato' Moyang Saleh berkata bahawa tidak ada perkara yang hendak ditakutkan dalam mengadap Sultan Johor itu kerana 'Teras Jelatang' sama dikehendaki di Pagar Ruyung dan kita dengannya satu keturunan.

Dato' Moyang Saleh kemudiannya telah bermuafakat dengan Dato' Ombi dan empat orang hulubalangnyanya yang gagah berani bernama Tok Bauk, Tok Beruang Hitam, Tok Gagah Perkasa dan Tok Laut Api. Keputusan yang dicapai ialah mengadap Sultan Johor, bagi menuntut keadilan di atas perbuatan zalim yang dilakukan oleh Sultan. Kesampaian rombongan ini di Istana Johor tidak mendapat sambutan dari Sultan. Dato' Moyang Saleh dan keempat orang hulubalangnyanya itu telah keluar ke Padang Saujana lalu duduk di atas sebuah Busut Jantan. Dengan tidak disangka-turunlah hujan ribut tiga hari tiga malam dengan tidak berhenti-henti. Di sinilah berlakunya perkara-perkara yang menakutkan. Pertamanya Dato' Moyang Saleh dan hulubalang-hulubalangnyanya itu tidak basah kerana baju Dato' Moyang Saleh yang dilambungkan telah menjadi payung. Kejadian ajaib ini dipersembahkan oleh pegawai pegawai istana kepada Sultan dan Sultan sendiri dapat menyaksikannya. Dengan itu Sultan memperkenankan Dato' Moyang Saleh masuk mengadap. Setelah masuk mengadap, Panglima Beruang Hitam telah mengutip-gupik bendul istana Raja,

Tok Laut Api sentiasa menguap dan bila menguap api dan asap keluar berkepul-kepul dari mulutnya. Tok Gagah Perkasa sentiasa mengesel-geselkan belakangnya kepada tiang istana. Bila ia berpaling ke kiri, istana Sultan condong ke kiri, bila berpaling ke kanan, istana Sultan condong ke kanan pula. Manakala Tok Bauk tidak naik ke istana, hanya tinggal di bawah perkarangan istana berbaring-baring seperti orang dalam keletihan sambil membaham-baham tanah hingga tanah halaman istana berlubang-lubang.

Aktiviti keempat-empat orang hulubalang ini telah dapat mempengaruhi perjumpaan Dato' Moyang Saleh dengan Sultan. Sultan Johor telah sedia memaklumi bahawa kedatangan Dato' Moyang Saleh itu bukan sebarangan dan jika tidak kena perundingannya mungkin boleh membawa kepada bencana kepada Johor. Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari Moyang Saleh menjunjung duli, antara lain sembahnya” adalah patik, Hamba Tua ini datang dari Sungai Lumut; hari panas, kamarau pun panjang, sirih layu dan pinang pun gugur dek tupai, satu pun tidak ada persantapan yang patik persembahkan kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku

Sebagai menjawab sembah itu, Sultan Johor antara lain bertitah”, Beta setahun tidak berjumpa, sehari pun tidak bercerai dengan Orang Kaya Jelebu. Beta pulangkan Negeri Sebelah Darat, Undang-Undang Yang Empat, Orang Kayalah mengatur adat di Darat, Beta pulangkan kepada kebesaran yang bergelar dato' Mendika Menteri Akhirul Zaman Sultan Jelebu Hai Orang Kaya! Bawalah anak Beta ke negeri sebelah Darat, supaya boleh dianya menumpang berkebun, maka sebesar-besar pangkatnya dijadikan “Yamtuan” saja adapun Sultan tergamam pada orang Kaya

Selepas peristiwa ini Dato' Moyang Saleh dan rombongannya balik ke Jelebu. Maka dengan itu juga berakhirilah Jelebu beraja ke Johor dan peristiwa ini lebih dikenali dengan peristiwa “Memutus Tali Ke Johor”. Maka Adat di Jelebu pun disusun dan diadakan pembahagian pesaka. Gelaran Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari itu diserahkan oleh Dato' Moyang Saleh kepada bapa saudaranya Genta manakala gelaran yang dianugerahkan oleh Sultan Johor itu terus dipakai oleh Dato' Moyang Saleh.

Pembahagian Adat Pesaka:

Pembahagian di antara Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari dan Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela juga ditentukan dari Adat dan Pesaka. Begitu juga antara Waris Ara dan Ulu Jelebu.

Pembahagian harta antara Menteri dan Ombi ialah:

- a. Pinang nan gugur, nyior nan saka,
permatang nan lurus, lantak nan berjijir,
Dato' Menteri Sah Alam Raja Sari yang punya.
- b. Hutan nan jauh, bukit nan tinggi, sungai nan meleleh,
Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela yang punya.
- c. Di dalam Luak, isi negeri sekeliannya 'kita' yang punya (kepunyaan bersama).

Pembahagian Pesaka antara Ara dan Ulu Jelebu ialah:

- a. Keris bertatah, subang kayu arang, Cap Mohor dan Teromba Salasilah tinggal kepada Ara, Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari yang punya.
- b. Segar Jantan, Cap Teromba, Subang Gading, Cincin Kuku Baning, Ulu Jelebu yang punya. Bahagian Dato' Mendika Akhirul Zaman Sultan Jelebu Dato' Moyang Saleh.

Maka apa yang jelas di sini ialah Dato' Moyang Saleh yang tujuan utamanya pergi menghadap Sultan Johor bagi mendapatkan keadilan di atas perbuatan Sultan membunuh anak Orang Kaya Kecil Rembau telah terlupa akan perkara itu. Sultan Johor telah sedia memaklumi akan siasah kedatangan Dato' Moyang Saleh itu. Oleh itu untuk menutup segala kesalahan yang telah dilakukannya dan pada fikirannya dia tidak akan mendapat kemenangan dalam hal ini memandangkan orang-orang Moyang Saleh yang datang menghadap semuanya luar biasa, maka terus ditamatkannya pegangan Johor ke atas Jelebu. Bagi Moyang Saleh pula mungkin itulah yang dikehendakinya supaya tidak bertuanan Johor lagi kerana perbuatan Sultan Johor itu memalukan dan zalim, tidak ada makna berajakan Sultan yang begitu. Lebih-lebih lagi Dato' Moyang Saleh telah dilantik untuk mengatur Adat di semua Luak di Negeri Sembilan (Negeri di Darat) dan telah mendapat anugerah gelaran 'Sultan Jelebu'. Maka untuk membangkitkan hal pembunuhan Si Amat adalah tidak mempunyai kepentingan lagi.

Aturan Adat Negeri Sembilan (Negeri di Darat)

Tiga bulan selepas peristiwa 'Memutus Tali Ke Johor' itu, sampailah Raja Melewar ke Seri Menanti sebagai menepati persetujuan antara Dato' Moyang Saleh dengan Sultan Johor dalam peristiwa 'Memutus Tali Ke Johor' itu, untuk dilantik sebagai Yamtuan. Kedatangan Raja Melewar ini ditentang oleh Kelana Putera dan Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan kerana tidak mahu berajakan Raja Melewar. Satu permuafakatan telah diadakan oleh Dato' Moyang Saleh dengan saudara-saudaranya Kelana Putera dan Johan Pahlawan. Maka terdirilah Tiang Balai serta tertegaklah Tiang Istana di Seri Menanti pada 17 Syawal 1192H. Aturan Adat telah disempurnakan oleh Dato' Moyang Saleh Sultan Jelebu, iaitu:—

Tanah Mengandung Seri Menanti,
Tanah Kerajaan di Penajis,
Balai Melintang di Sungai Ujung,
Balai Bertingkat di Johor,
Yang Mengatur Bilangan Adat di Jelebu,
Yang Mengukuhkan di Rembau.

Kemudian ditetapkan pula gelaran-gelaran oleh Dato' Mendika Menteri Akhirul Zaman Dato' Moyang Saleh, iaitu:—

Sungai Ujung— Dato' Kelana Putera Seri Jaya
Johor — Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan
Rembau — Dato' Setia Raja Di Raja, sebagai ganti Kelang yang memakai Adat Temenggung.

Apabila selesai mengatur Adat di sebelah Darat, Dato' Moyang Saleh telah balik ke Jelebu dan berunding dengan Dato' Ombi meminta supaya anaknya Tok Muda Geligin diberi Pesaka Penghulu iaitu Waris Sarin. Dato' Menteri dan Dato' Ombi bersetuju serta memberikan pedang pemancung sebagai tanda kenangan pesaka kepada Waris Sarin. Selain dari itu anak angkat kesayangan Waris Ulu Jelebu telah juga diberikan Pesaka Penghulu iaitu Waris Kemin. Maka dengan itu cukuplah tiga perut dalam Jelebu yang akan menyandang Pesaka Penghulu (Undang). Tidak lama selepas itu Dato' Moyang Saleh telah kembali ke rahmatullah dan kuasa pemerintahan kembali kepada Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Sari, sebagai kata-kata Adat.

Terpangku kepada Sah Mangku Alam,
Tergenggam kepada Dato' Ombi Maharaja Lela.

Dato' Menteri dan Lantikan Penghulu (Undang)

Dari waktu inilah diaturkan Undang-undang Adat oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam Sari, di mana waris Yang Tiga berduduk pada Dato' Ombi, Pangkal Maharaja Lela serta dinamakan 'Pesaka' Dato' Ombi Pangkal Maharaja Lela.

Selepas tiga tahun lamanya; Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari telah melantik Dato' Bakul dari waris Ulu Jelebu menjadi Penghulu. Pada masa itu ramai lagi penghijrah dari Tanah Seberang sampai dan menetap di daerah ini. Mereka ini diterima oleh Dato' Menteri dan dijadikan Lembaga. Mereka ini dari suku Mungkal dan diberikan Lembaga Dato' Mengiang Merah Bakok, berlunas kepada Dato' Menteri. Dalam waris Penghulu Ulu Jelebu dilantik pula gelaran Dato' Raja Balang sebagai mengepalai waris Ulu Jelebu. Datuk Majinda dilantik mengepalai waris Kemin dan Dato' Raja Penghulu dilantik mengepalai waris Sarin.

Apabila Penghulu Bokormeninggal dunia, Dato' Niko Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari telah melantik pula Dato' Bakul menjunjung Pesaka Menteri Akhirul Zaman dari waris Ulu Jelebu. Pada zaman Penghulu Dato' Bakul ini, sampai pula penghijrah baru dari Tanah Seberang dari suku Tanah Datar. Dato' Menteri juga menerima mereka ini, dan dijadikan Lembaga dengan gelaran Dato' Cincang Dagang.

Selepas kemangkatan Penghulu Bakul, Dato' Menteri telah melantik Penghulu Bador menyandang Pesaka Penghulu, tetapi kemudiannya telah dipecat oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari kerana tidak berkelakuan baik. Dengan itu juga Dato' Menteri digelar 'Manika Adil'. Dato' Menteri kemudiannya menjunjukkan Pesaka Penghulu itu kepada Mohd. Yunus dari waris Ulu Jelebu. Selepas kematian Penghulu Mohd. Yunus dilantik pula Penghulu Lup oleh Dato' Menteri menyandang Pesaka Penghulu dari waris Sarin. Pada zaman pemerintahan Penghulu Lup ini sampai pula penghijrah dari Tanah Seberang dari suku Batu Belang. Mereka juga telah diterima setelah mengaku taat setia kepada Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari dan diberikan Lembaga dengan gelaran Dato' Senara Angsa.

Dengan terlantiknya Dato' Senara Angsa ini, maka jumlah Dato' Lembaga Adat di Jelebu ialah lapan buah sehinggalah ke hari ini.

Selepas kematian Penghulu Lup, Dato' Menteri telah melantik Penghulu Rengoh(Tok Gila) menyandang Pesaka. Penghulu ini dikenali dengan nama Renga Ali ataupun Tok Gajah disebabkan ia bodoh alang. Pada zaman ini diadakan satu peraturan oleh Dato' Menteri yang dijadikan Undang, iaitu'—

Kata mencari Adat, kepada Dato' Lembaga Yang Tiga: Dato' Mengiang, Dato' Cincang dan Dato' Senara.

Kunci Adat pada Dato' Menteri, Kunci Pesaka pada Dato' Ombi.

Surut lalu Penghulu (Undang) kepada waris Yang Tiga: Dato' Raja Balang, Dato' Raja Penghulu dan Dato' Majinda.

Kunci Luak pada Penghulu.

Kunci Alam pada Raja.

Di sinilah permulaannya Yamtuan Batu Serambai seperti yang tersebut di atas tadi.

Dengan itu berkembanglah Daerah Jelebu dengan pemakaian Adat Perpatihnya dengan Lapan Lembaga Adat yang diketuai oleh Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sari sehinggalah ke hari ini.

**NAMA PENGHULU/UNDANG LUAK JELEBU DARI TAHUN
MASEHI 1750 HINGGA SEKARANG**

1.	Dato' Moyang Salleh	—	—	—	Waris Ulu Jelebu.
2.	Dato' Bokor	—	—	—	Waris Ulu Jelebu.
3.	Dato' Bakol	—	—	—	Waris Ulu Jelebu.
4.	Dato' Yunus	—	—	—	Waris Ulu Jelebu.
5.	Dato' Lup	—	—	—	Waris Sarin.
6.	Dato' Duraman	—	—	—	Waris Kemin.
7.	Dato' Rengoh (Tok Gila)	—	—	—	Waris Kemin.
8.	Dato' Pandak	—	—	—	Waris Sarin.
9.	Dato' Mahmud (Kulup Tunggal)	—	—	—	Waris Kemin.
10.	Dato' Hj. Ibrahim	—	—	—	Waris Kemin.
11.	Dato' Syed Ali Al Jafri	—	—	—	Waris Ulu Jelebu.
12.	Dato' Abdullah	—	—	—	Waris Sarin.
13.	Dato' Shahmaruddin Hj. A. Rahman	—	—	—	Waris Kemin.
14.	Dato' Hj. Abu Bakar Ma'amor	Waris Ulu Jelebu			
15.	Dato' Musa Wahab	—	—	—	Waris Sarin (Dato' Undang sekarang).

**NAMA BARU JALAN-JALAN
BANDAR SEREMBAN**

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
PUSAT BANDAR	
Jalan Templer	Jalan Tun Dr. Ismail
Jalan Birch	Jalan Dato' Bandar Tunggal
Jalan Paul	Jalan Yam Tuan
Jalan Lemon	Jalan Tuanku Munawir
Jalan Tuan Sheikh	Jalan Dato' Sheikh Ahmad
Jalan Cameron	Jalan Dato' Lee Fong Yee
Jalan Tunku Hassan	Jalan Tunku Hassan (tiada perubahan)
Jalan Wilsinson	Jalan Dato' Abdul Rahman
Jalan Carew	Jalan Dr. Krishnan
Murray Street	Jalan Kapitan Tam Yeong
Jalan Lee Sam	Jalan Lee Sam (tiada perubahan)
Jalan Simpson	Jalan Dr. Samuel
Jalan Lister	Jalan Dato' Hamzah
Jalan Rahang	Jalan Tuanku Antah
Jalan Butler	Jalan Yazid Ahmad
alan Singapura	Jalan Siow Loong Hin
Jalan Sungai	Jalan Kong Sang
Jalan Dewan Bandaran	Jalan Utam Singh
Jalan Pasar	Jalan Pasar (tiada perubahan)
Jalan Wallich	Jalan Dr. Murugesu
Jalan Labu Spur	Jalan Sungai Ujong
Java Lane I	Lorong Jawa Satu
Java Lane II	Lorong Jawa Dua
Jalan Depan New International Hotel	Jalan Veloo
Jalan Bomba	Jalan Lim Kee Siong
Jalan Melaka	Jalan Dato' Abdul Kadir
Lorong antara kuil sikh dengan bangunan tambahan Majlis Perbandaran Seremban.	Lorong Khalsa

Nama Sekarang	Nama Yang Dicapadangkan
KAWASAN SIKAMAT	
Jalan Dunman	Jalan Tuan Haji Said
Jalan Cemetery	Jalan Tunku Kurshiah
Jalan Channer	Jalan Dato' Siamang Gagap
Jalan Connection	Jalan Tok Dagang
KAWASAN BAHANG	
Jalan Hose	Jalan Za'aba
Jalan Berhala	Jalan Berhala (tiada perubahan)
Jalan Wise	Jalan Dato' Muda Linggi
Jalan Taman Bunga	Jalan Taman Bunga (tiada perubahan)
Jalan Egerton	Jalan Penghulu Chantik
Jalan Rahang Square	Jalan Medan Rahang
Jalan Keliling	Jalan Keliling (tiada perubahan)
Jalan Banks	Jalan Dr. Chong Ah Khoon.
Jalan Kiernan	Jalan Muti Ahmad
Lorong Green	Jalan Aminudin Baki
Jalan Gereja	Jalan Gereja (tiada perubahan)
Jalan Braddon	Jalan Tetamu
Jalan Singkat	Jalan Singkat (tiada perubahan)
Jalan Ridgeway	Jalan Raja Muda Ali
Jalan Loop	Jalan Tok Ungku
Jalan Mutton	Jalan Gan Tam
Jalan Wong Yik Tong	Jalan Dato' Wong Yik Tong
KAWASAN RASAH	
Jalan Rasah	Jalan Rasah (tiada perubahan)
Jalan Dr. Muthu	Jalan Dr. Muthu (tiada perubahan)
Jalan Bukit Rasah	Jalan Bukit Rasah (tiada perubahan)
Jalan Bukit Tembok	Jalan Bukit Tembok (tiada perubahan)

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<p>KAWASAN KAMPONG BARU JALAN DATO' KLANA</p> <p>Jalan Dato' Klana Jalan Kilat, Jalan Swettenham Jalan Dato' Bandar</p>	<p>Jalan Dato' Kelana Ma'amor Jalan Kilat (tiada perubahan) Jalan Dato' Abdullah Jalan Lt. Adnan</p>
<p>KAWASAN TEMIANG</p> <p>Jalan Limbok Atas Jalan Limbok Bawah Jalan Temiang Jalan Tembak Jalan Sasaran Jalan Tembak Batu Jalan Lobak Jalan Locke Jalan Cumming</p>	<p>Jalan Seng Meng Lee Jalan Quek Kai Dong Jalan Temiang (tiada perubahan) Jalan Han Hui Foong Jalan Muthu Cumaru Jalan Lam Teck Choon Jalan Manickavasagam Jalan Nunis Jalan Haji Abdul Hamid (Disatukan dengan Jalan Haji Abdul Hamid yang sedia ada)</p>

**LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1982 – 1983**

1 Jawatankuasa Kerja

1.1	Yang Di Pertua	—	YAB Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC.
1.2	Naib Yang Di Pertua	—	Pegarah Pelajaran N.S. (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
1.3	Setiausaha Kehormat	—	Encik Ismail b. Abd. Hadi, AMN, PJK.
1.4	Pen. Setiausaha Kehormat	—	Encik Abd. Aziz bin Salleh
1.5	Bendahari	—	Encik Tan Chee Peng, AMN.
1.6	Jawatankuasa	—	Encik Nordin bin Bakri Encik Hashim bin Jasa, AMN. Tn. S. Jaafar b. S.A. Rahman, PJK. Tn. Hj. Mohd. Ariff bin Osman Pn. Kamariah bt. Hj. Sabeh
1.7	Pengarang	—	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.

2. Mesyuarat Jawatankuasa

Sepanjang tahun 1982 jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 2 kali. Senarai kehadiran adalah seperti di bawah:

Bil.	Nama	Tarikh Mesyuarat		
1.	YAB. Dato' Mohd. Isa	H	H	2/2
2.	Dr. Wan Mohd. Zahid	H	H	2/2
3.	Encik Ismail	H	H	2/2
4.	Encik Abd. Aziz	TH	H	1/2
5.	Encik Tan Ghee Peng	H	H	2/2
6.	Encik Nordin	H	H	2/2
7.	Encik Hashim	H	H	2/2
8.	Tn. S. Jaafar	TH	TH	0/2
9.	Tn. Hj. Mohd. Arif	H	TH	1/2
10	Pn. Kamariah	H	H	2/2

Kedua-dua mesyuarat ini semua Pengerusi PSM/CNS peringkat Kawasan dan Urusetia Majlis Kebudayaan Negeri telah dijemput sebagai pemerhati dan jemputan khas. Tempat mesyuarat di Bilik Gerakan, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.

3. Jawatankuasa Biro-Biro

PSM/CNS ini hanya ada dua biro, iaitu Penyelidikan dan Penerbitan.

3.1. Biro Penyelidikan

3.1.1. Ahli Jawatankuasa

Pengerusi: Tuan Hj. Mohd. Nor Long, PMV
Setiausaha: Encik Abd. Aziz Salleh
Jawatankuasa: Encik Nordin Bakri
Tuan Hj. Mohd. Arif Osman
Tuan S. Jaafar S. A. Rahman, PJK
Dato' Hj. Mohd. Sharif F. Hassan PPN, PJK
Puan Kamariah Hj. Sabeh
Puan Norini Ali
Puan Echam Hj. Hasan

3.1.2. Kegiatan

Biro ini meneruskan usaha dan projek yang telah dirancang di samping bekerjasama dengan projek PSM/CNS sendiri.

3.2. Biro Penerbitan

3.2.1. Ahli Jawatankuasa

Pengerusi: Encik Hashim Jasa, AMN
Setiausaha: Encik Ramthan Hi. Maarof, PJK
Jawatankuasa: Dato' Hj. Mohd. Sharif, PPN, PJK
Encik Tan Ghee Peng, AMN
Encik Mustafa Hj. Sharif
Encik Ahmad bin Sihat
Encik Mohd. Hisa Tahat
Cik Virki Mutti PPN, PPT, PJK
Puan Hj. Aishah Md. Sharif
Puan S. Kintan S. Ali

3.2.2. Kegiatan

Biro ini telah dapat menerbitkan majalah 'Warisan'. Telah dicetak sebanyak 1,000 naskhah. Ianya telah diedarkan kepada ahli-ahli dan juga pihak-pihak berkenaan.

Di samping itu biro ini juga telah bekerjasama dalam menguruskan pertandingan mengarang sejarah.

Penerbitan majalah 'Warisan' seterusnya telah pun diatur di mana pengumpulan makalah telah dijalankan dan dijangka dapat diterbitkan tahun 1983.

4. Kegiatan Umum:

4.1. Mini Muzium dan Pusat Kraftangan

Raja Negeri Sembilan telah membentuk Jawatankuasa Mini Muzium dan Pusat Kraftangan. PSM/CNS adalah menduduki Jawatankuasa ini. Satu kertas kerja berhubungan dengan pengisian ruang dalam bagi Mini Muzium dan Kraftangan itu telah disediakan oleh persatuan ini.

4.2. Penukaran Nama Jalan

Majlis Perbandaran Seremban telah membentuk satu Jawatankuasa Penukaran Nama Jalan dan Tempat bagi Perbandaran Seremban. PSM/CNS telah dilantik bersama menganggotai Jawatankuasa ini. Kerja-kerja penukaran nama ini telah selesai dan cadangan Jawatankuasa ini telah disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk kelulusan EXCO.

4.3 Berita Dari Jendela

Sepanjang tahun 1982, berdasarkan kegiatan dan perkara-perkara yang melibatkan persatuan ini, maka Berita Dari Jendela hanya dapat diterbitkan sebanyak dua kali sahaja. Kebanyakan berita tersebut adalah sebahagian besarnya daripada kegiatan negeri. Diharap untuk masa hadapan akan banyak berita kawasan dapat dimuatkan untuk pengetahuan seluruh ahli. Sementara itu pihak PSM Pusat menyedut beberapa berita daripada Dari Jendela ini untuk dimuatkan pula ke dalam Berita PSM Pusat.

4.4 Kuiz Sejarah Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan

Seperti tahun-tahun sebelumnya Persatuan ini adalah terlibat dan memberikan kerjasama erat bagi menjayakan pertandingan kuiz ini dari peringkat sekolah, Zon Kawasan, Negeri, Zon Selatan dan seterusnya ke peringkat Pusat.

Bagi tahun 1982 ini pertandingan peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 3hb. April, 1983 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, Jalan Tunku Kurshiah, Seremban. Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja, Rembau muncul sebagai johan merebut Tropi Pusingan, hadiah daripada KARYA BISTARI SDN. BHD. KUALA LUMPUR. Naib Johan ialah Sekolah Menengah Dato' Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Undang Jelebu mendapat tempat ketiga.

4.5 Azam dan Citarasa 1983

Memandangkan perkembangan yang begitu menggalakkan dan kegigihan setiap Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini begitu tinggi maka persatuan ini akan dapat mempertingkatkan lagi hasil sepertimana program-program yang telah disusun. Namun begitu kejayaan-kejayaan akan meningkat lagi dengan bantuan erat dan kerjasama daripada seluruh ahli.

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
Penyata Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1hb. Januari 1982 hingga 31hb. Disember 1982)

Penerimaan

Baki pada 31.12.1981	3,919.12								
Yuran Ahli Institusi @ 30.00 x 16	480.00								
Yuran Ahli Perseorangan @ 15.00 x 3	45.00								
Sumbangan dari Yayasan NS	5,000.00								
Sumbangan Lain	8.00								
Bayaran diterima daripada jualan									
↳Warisan ke 6' @ 4.00 x 233	932.25								

Perbelanjaan

Sumbangan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Pusat bagi tahun 1981	341.60								
Alatujis									
Setem	123.30								
Percetakan ↳Warisan ke 6' x 1,000	20.00								
Cenderamata-cenderamata kepada penulis-penulis makalah	3,123.80								
Memбели terbitan-terbitan	450.00								
Belanja mesyuarat AJK	21.00								
Tambah ke mesyuarat Agung PSM pusat bagi 3 orang wakil PSMCNS	20.00								
Cek dipulangkan oleh bank dan setem	25.00								
Baki pada 31.12.1982	4.75								
	<u>6,254.92</u>								

10,384.37

10,384.37

Kunci Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1.1.1982 hingga 31.12.1982)

Tanggung

Harta

Lebihan penerimaan daripada perbelanjaan	2,335.80
Baki daripada tahun 1981	3,919.12
	<u>6,254.92</u>

Baki dalam bank

6,254.92

6,254.92

Saya mengesahkan bahawa penyata dan kunci kira-kira di atas adalah benar.

t.t.

t.t.

(MOHD. ZAIN BIN H.J. RAIS PIJK)

(Tan Ghae Peng AMN)

Juruaudit Kehormat

Bendahari Kehormat